

## Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir dan Miskin melalui Agihan Bantuan Modal Zakat

*(Entrepreneurship Development Strategy for Poor and Needy Recipients on Capital Assistance through Zakat Distribution)*

Rosbi Abd Rahman  
Sanep Ahmad

### ABSTRAK

Salah satu jenis bantuan yang telah disalurkan oleh pihak pengurusan dan pentadbiran zakat bagi memastikan golongan asnaf fakir dan miskin dapat meningkatkan taraf hidup ialah bantuan dalam bentuk modal perniagaan. Pemberian modal diharap dapat menjana pendapatan jangka panjang dan membantu mentransformasikan mereka menjadi usahawan dan seterusnya berubah dari penerima zakat kepada pembayar zakat. Namun kebanyakan penerima bantuan mengalami kegagalan dan alasan utama diberikan adalah menghadapi masalah berkaitan modal. Persoalannya ialah adakah benar masalah modal menjadi faktor terpenting menyebabkan kegagalan atau mungkin terdapat faktor lain yang tidak kurang pentingnya perlu diberi perhatian. Sehubungan itu kajian ini bertujuan meneliti faktor-faktor selain modal yang dijangka penting dan mempengaruhi kejayaan atau kegagalan pembangunan usahawan asnaf fakir dan miskin. Kajian menggunakan model logit binomial ke atas 534 orang golongan asnaf yang telah menerima bantuan modal perniagaan di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Hasil kajian mendapati selain modal terdapat faktor lain yang juga signifikan mempengaruhi kejayaan perniagaan iaitu umur, jantina, tempoh berniaga, aspek pemantauan, ciri perniagaan, kecekapan pengurusan zakat, sikap optimis, kemahiran sosial, jaringan sosial, dan pengambil risiko. Implikasi penting dapatan kajian ialah strategi pembangunan usahawan asnaf tidak memadai difokuskan kepada aspek bantuan modal sahaja tetapi perlu juga disertakan dan dilengkapi dengan faktor penting yang lain.

### ABSTRACT

One type of assistance that was granted by the management and administration of the charity to ensure that the poor and needy recipients can improve their living standards is by assistance in the form of business capital. Capital grants are expected to generate long-term income and help to transform them to be an entrepreneur and then can also turn them to become a payer of zakat instead of recipients of zakat. However, many beneficiaries have failed and the main reason given is a problem related to the capital. The question is whether the problem of capital was the most important factor that causing the failure, or there may be other factors that are equally important concern. Therefore, this study was to examine factors other than the expected significant capital that can influence the success or failure of the development on the poor and needy recipients. This study is using a binomial logit model on the 534 recipients who had received business capital assistance in Selangor and Federal Territory of Kuala Lumpur. The study found that there were other factors besides capital that also significantly affect the success of the business which are age, sex, duration of business, the monitoring, and the nature of business, the efficiency in management of zakat, optimism, social skills, social networks, and risk takers. Hence, the important implication of this study is the development strategies for poor and needy recipients are not sufficient if it's only focused on the aspects of capital assistance, but it must also be accompanied and complemented by other important factors.

### PENGENALAN

Bantuan modal zakat merupakan salah satu daripada bentuk bantuan yang disalurkan oleh agensi zakat di Malaysia bagi membantu golongan asnaf terutama asnaf fakir dan miskin untuk berdikari dan berupaya merubah kehidupan mereka kepada tingkat yang lebih baik. Bantuan modal zakat ini disalurkan kepada golongan asnaf yang memenuhi kriteria yang tertentu untuk digunakan untuk memulakan atau meneruskan sesuatu perniagaan atau perusahaan yang bersesuaian. Di Malaysia, di antara

negeri yang aktif menyalurkan bantuan berbentuk modal ini adalah negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, bantuan modal zakat diberi penekanan, malahan ianya telah bermula secara serius mulai tahun 1995 lagi. Agensi zakat yang terlibat iaitu pihak baitulmal telah diberi kuasa untuk mengagihkan bantuan modal zakat kepada golongan asnaf yang terpilih. Bagi bantuan zakat berbentuk skim bantuan perniagaan, golongan sasaran utama penerima bantuan adalah terdiri dari golongan asnaf fakir dan miskin.

Penentuan golongan fakir dan miskin adalah tertakluk kepada pengiraan had kifayah yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan dan Mesyuarat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bagi menentukan penerima adalah layak dikategorikan dalam golongan fakir dan miskin yang layak berdasarkan had kifayah yang ditentukan. Kadar bantuan modal yang diberikan tertakluk kepada pemberian sebanyak RM5,000 bagi pemberian kali pertama. Skim bantuan modal perniagaan ini mendapat sambutan daripada golongan asnaf fakir dan miskin memandangkan syarat yang ditetapkan ini agak mudah seperti hanya perlu menunjukkan bukti menerusi lesen perniagaan tanpa dikenakan syarat lain seperti menunjukkan rekod kemajuan perniagaan, pelan rancangan perniagaan, tidak perlu menyediakan cagar, penjamin dan yang ketara sekali bantuan yang disediakan adalah 100 peratus percuma tanpa dikenakan sebarang bayaran balik.

Sungguhpun skim bantuan perniagaan ini merupakan salah satu cara untuk membantu golongan asnaf fakir dan miskin mendapatkan bantuan bagi memulakan kehidupan berdikari, namun dari segi jumlah penerimanya dan jumlah bantuan yang disalurkan masih lagi kecil. Pada tahun 1995, Baitulmal Wilayah Persekutuan telah membelanjakan sebanyak RM253,003 dalam bentuk bantuan perniagaan. Jumlah tersebut telah diagihkan kepada 75 orang dalam asnaf miskin untuk membuka perniagaan sendiri. Sementara itu pada tahun 1996, Baitulmal telah memperuntukkan sebanyak RM383,233 (Berita Baitulmal, Tahun 12, Bil. 11) untuk tujuan bantuan perniagaan. Pada tahun 2000 hanya seramai 143 orang menerima bantuan ini dengan nilai bantuan berjumlah RM405,710, sejumlah 139 orang pada tahun 2004 dengan nilai bantuan sebanyak RM439,461 dan seramai 141 orang penerima bantuan pada tahun 2005 dengan nilai bantuan sebanyak RM436,150. Didapati bahawa nilai bantuan modal zakat yang disalurkan kepada golongan ini merangkumi tidak sampai satu (1) peratus daripada jumlah keseluruhan agihan pendapatan zakat pada tahun berkenaan.

Manakala di Negeri Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS) (MAIS) telah mula memberi penekanan terhadap pemberian bantuan modal zakat semenjak tahun 2003 dan seterusnya pada tahun 2005 telah membentuk satu jabatan khusus untuk pembangunan asnaf yang dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Asnaf (JPA) bagi memastikan program pembangunan keusahawanan menepati keperluan asnaf (Asnaf, 1/2007). Program keusahawanan ini merupakan satu mekanisme dan dianggap kaedah terbaik untuk membasmi kemiskinan asnaf. Golongan asnaf yang terpilih akan dikenal pasti berpotensi untuk diketengahkan sebagai usahawan. Hanya individu yang benar-benar layak akan terpilih menyertai program ini. Kelayakan individu adalah berdasarkan kebolehan, minat berniaga, kemampuan fizikal dan minda untuk menjayakan perniagaan. Program ini berbentuk jangka panjang yang dapat membantu mereka bebas dari kepompong kemiskinan dan seterusnya membangunkan modal insan dan ekonomi mereka. Selain diberikan bantuan modal, golongan asnaf

berkenaan yang terpilih akan turut didedahkan dengan kursus lanjutan keusahawanan diberikan kursus asas perniagaan termasuk pengendalian kewangan dan motivasi.

Modal yang disediakan adalah di antara RM2,000 hingga RM50,000 mengikut kesesuaian dan jenis perniagaan. Sekiranya perniagaan yang diusahakan bertambah maju, maka modal tambahan akan diberikan sebanyak RM5000. LZS (MAIS) akan memantau perkembangan perniagaan secara berterusan dan para asnaf juga berpeluang mengikuti kursus lanjutan keusahawanan anjuran agensi luar seperti MARDI, MARA, SMIDEC, UPEN dan lain-lain bagi mengembangkan lagi perniagaan. Selain menyediakan modal untuk perniagaan berskala kecil, LZS (MAIS) turut menyediakan peruntukan modal bagi perniagaan yang memerlukan modal yang lebih besar seperti kedai dobi dan roti. Modal yang disediakan berjumlah antara RM50,000 hingga RM100,000. Walau bagaimanapun penerima bantuan ini akan dipantau selama 5 tahun, sebelum perniagaan ini diserahkan kepada mereka sepenuhnya sekiranya berjaya mengembangkan perniagaan berkenaan. Sekiranya dalam tempoh setahun, asnaf gagal menunjukkan potensi yang baik, maka projek ini akan diserahkan kepada asnaf lain yang lebih berpotensi. Pihak LZS juga mewujudkan projek usahawan bergerak di mana asnaf yang terpilih akan diberikan sebuah kenderaan untuk menjalankan perniagaan. LZS (MAIS) juga menyediakan projek berkelompok berskala besar seperti projek jahitan dan kraftangan untuk ibu tunggal yang mana operasi dan pemasarannya dipantau sendiri oleh pegawai projek LZS (MAIS). Maka dapat dirumuskan di sini pihak LZS (MAIS) menyediakan pelbagai bentuk bantuan modal zakat untuk disalurkan kepada golongan asnaf bagi membolehkan mereka meningkatkan keupayaan diri dan mengubah corak kehidupan ke arah yang lebih baik.

Dalam mengendalikan program bantuan zakat ini, tentulah pelbagai cabaran dihadapi dalam memastikan mencapai matlamat. Maka bagi memastikan bahawa bantuan modal zakat ini dapat diteruskan dengan jayanya demi faedah bersama golongan asnaf, maka segala kekangan dan cabaran yang dihadapi sama ada oleh pihak penerima bantuan iaitu golongan asnaf sendiri atau pihak yang menyalurkan bantuan iaitu agensi zakat sendiri, ianya perlu diatasi dan ditangani wajarnya. Bagi golongan asnaf sendiri perlu dipertingkatkan kesedaran untuk menggunakan dengan sebaik-baiknya peluang dan bantuan yang diberikan untuk mengubah kehidupan ke arah lebih baik. Manakala pihak agensi zakat sendiri umpamanya aspek pemantauan dan pengurusan merupakan satu keperluan yang tidak boleh diabaikan dan dipandang ringan dalam memastikan kejayaan atau kegagalan bidang perniagaan yang diceburi.

#### ISU DAN OBJEKTIF KAJIAN

Asnaf yang mampu berusaha dikategorikan sebagai produktif, manakala mereka yang tidak upaya disebabkan

lanjut usia, masalah kesihatan, kecacatan dan sebagainya dikategorikan sebagai golongan tidak produktif. Bagi golongan fakir dan miskin di kalangan mereka yang masih memiliki kekuatan fizikal dan mental, yang masih mampu melakukan pekerjaan, maka mereka ini seharusnya diberikan bantuan zakat yang berbentuk produktif seperti bentuk bantuan modal bagi membolehkan mereka berdikari menjalankan usaha sehingga mampu keluar daripada kitaran kemiskinan (Patmawati 2005). Dengan demikian, dana zakat diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada peningkatan produktiviti masyarakat miskin yang pada akhirnya mereka dapat meningkatkan taraf hidupnya (Ahmed 2004).

Menurut Sukor (1990: 2) masalah utama kebanyakan golongan miskin adalah untuk mendapatkan modal untuk memulakan perniagaan. Modal berperanan sebagai satu jentera pentadbiran sosial yang mudah, cepat, mudah dan efisien yang membolehkan golongan miskin memecahkan kemelut kemiskinan melalui usaha mereka sendiri. Modal membolehkan isi rumah termiskin memulakan dan mengembangkan keusahawanan dan kemahiran hidup mereka ke arah peningkatan pendapatan dan taraf hidup. Lantaran itu apabila berlaku kegagalan maka ianya akan dikaitkan dengan modal iaitu kekurangan modal perniagaan. Persoalannya ialah adakah benar bahawa kekurangan modal menjadi punca utama kegagalan perniagaan.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor utama selain modal yang dijangkakan mempengaruhi kejayaan dan kegagalan bantuan modal zakat yang diberikan kepada asnaf untuk menjalankan perniagaan. Pengenalpastian faktor tersebut akan dapat digunakan oleh pihak berwajib dalam merangka strategi bagi memastikan kejayaan asnaf yang menerima bantuan modal zakat.

## KAJIAN LITERATUR

Kejayaan dan kegagalan perniagaan yang dijalankan ini tentunya bergantung kepada pelbagai faktor merangkumi faktor dalaman seperti ciri-ciri keperibadian dan juga faktor luaran dan persekitaran seperti sumber modal, dan ekuiti, bantuan pihak ketiga seperti kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO). Ciri-ciri keusahawanan yang perlu ada untuk menjamin kejayaan seperti bebas berfikir dan bertindak, semangat dan ketahanan, bertanggungjawab, berdisiplin dan konsisten, berkuasa, kebolehan menyelesaikan masalah, berani mengambil risiko, kebolehan mengawal perniagaan, mempunyai harga diri, daya pemikiran kreatif dan inovatif, berkeinginan menimba ilmu pengetahuan baru, berminat dan yakin dengan barangannya serta berkebolehan mengenal pasti dan merebut peluang (Baron & Markman 2003; Drag & Ophem 1995; Drucker 1995; Kuratko & Hodgets 2004; Timmons 2004; Hisrich et al. 2005; Nor Aishah 2006; Mitchell et al. 2008). Selain itu kepentingan faktor dalaman seperti kekuatan ciri keperibadian itu sendiri untuk membolehkan

seseorang individu berjaya dalam perniagaan dan dunia keusahawanan (Suhaimi 1991; Sciller et al. 1997). Inovasi juga merupakan ciri utama keusahawanan. Peranan inovasi yang dijalankan oleh seseorang usahawan merangkumi segala kegiatan atau satu usaha yang membawa kepada pembaharuan. Usahawan juga tidak akan membiarkan sistem ekonomi berada dalam keadaan beku, sebaliknya mereka akan bertindak sebagai pemangkin dan penggerak utama pembangunan ekonomi (Schumpeter 1947). Bidang keusahawanan juga memerlukan modal yang mencukupi untuk membolehkan perniagaan yang diusahakan berjalan lancar dan boleh diteruskan (Bruder et al. 1998; Cooper et al. 1994).

Yep Putih (1985) pula berpandangan bahawa bidang keusahawanan memerlukan seseorang usahawan yang sanggup berdepan dengan risiko, sukakan cabaran, kreatif, bertindak lebih teliti dan rasional, sifat berjimat cermat, tabah menghadapi rintangan, tidak mudah putus asa, yakin diri. Ini selari dengan hasil kajian oleh Baron & Markman (2000), Adnan & Mohamad Dahlan (2002), Nik Mohamed (2002), Syed Mohd Ghazali et al. (2003), Abu Sufian & Anizah (2004). Seseorang usahawan juga bukan menjadikan matlamat untung sebagai matlamat terakhir, sebaliknya kemajuan yang berpanjangan, sumbangan kepada masyarakat dan bangsa serta menunaikan tanggungjawab kepada para pengguna. Manakala Mohamad Dahlan (1992) menjelaskan usahawan sebagai seorang individu yang mempunyai kemahuan dan sentiasa memburu dan menilai peluang perniagaan dengan tujuan meraih keuntungan dan mengembangkan perniagaannya dengan melabur sebahagian hartanya, namun di sepanjang usahanya ianya sedar akan tanggungjawabnya sebagai Khalifah Allah.

Johari (2004) merumuskan untuk berjaya dalam perniagaan memerlukan 3 elemen utama iaitu proses pembangunan keusahawanan, mengurus perubahan dalam kehidupan usahawan dan profil usahawan itu sendiri. Proses pembangunan usahawan ini merangkumi peluang persediaan, membina modal, pencarian pasaran, mengukuhkan modal dan pengorbanan usahawan yang melakukan perubahan hidup sebagai seorang usahawan dan mempunyai pengetahuan dalam menguruskan kakitangan dan perniagaan. Seseorang usahawan dari segi profil juga perlu mempunyai keyakinan diri, mengenal pasti peluang yang terbaik untuk direbut dan seorang yang komitmen dan bekerja keras.

Baron & Markman (2003) melihat kepada model *Person-Entrepreneurship Fit* sebagai model asas untuk melihat sejauh mana faktor-faktor yang dinyatakan dalam model ini mempengaruhi kejayaan golongan asnaf berkenaan. Model ini dipilih kerana ianya menekankan kepada kepentingan ciri-ciri yang ada dalam seseorang individu (faktor dalaman) digunakan dengan sebaik mungkin untuk membolehkan individu berjaya dalam bidang perniagaan yang diceburinya. Model ini juga didapati selaras dengan ciri-ciri keusahawanan dalam Islam. Model ini menerangkan terdapat lima faktor penting dalam menentukan kejayaan seseorang usahawan iaitu

kecekapan peribadi (*high self-efficacy*), kebolehan untuk mengenal pasti peluang (*ability to spot and recognize opportunities*), ketabahan diri (*high personal perseverance*), kemahiran sumber manusia dan modal sosial (*high human and social capital*) dan kemahiran sosial (*superior social skills*). Kelima-lima faktor dalam model ini diperlukan untuk membantu seseorang usahawan mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburinya. Aspek pemantauan juga merupakan aspek yang tidak kurang penting dan signifikan dalam menentukan kejayaan perniagaan. Ini dibuktikan oleh hasil kajian oleh Noor Ghani et al. (2002), Ahmad Fuad (2006), Ahmad Shahir (2007), Rosbi et al. (2008). Kesimpulannya berdasarkan pandangan dan hasil kajian di atas didapati antara ciri dan faktor penting yang mempengaruhi kejayaan sesuatu perusahaan atau perniagaan yang dijalankan adalah faktor dan ciri keperibadiannya (faktor dalaman) dan dibantu dengan faktor luaran lainnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan terhadap 534 responden penerima bantuan modal zakat daripada negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Soal selidik yang berkaitan faktor-faktor berkenaan (selain dari faktor demografi dan latar belakang perniagaan) tersebut akan diukur dengan menggunakan skala likert berikut: Nilai 1 adalah untuk pernyataan '*sangat setuju*' manakala nilai 5 adalah bagi pernyataan '*sangat tidak setuju*'. Kajian ini akan menggabungkan ciri-ciri demografi, maklumat perniagaan, faktor berasaskan model keserasian individu-keusahawanan (*person-entrepreneurship fit model*) oleh Baron & Markman (2003) dengan 13 lagi faktor lain yang merangkumi faktor umur, jantina, status, tahap pendidikan, tahap kesihatan, jumlah tanggungan, tempoh lama niaga, jumlah modal dari dana zakat, pemantauan pusat zakat, prosedur pengurusan zakat, peranan modal percuma, jenis perniagaan dan kecukupan bantuan modal.

KAEDAH PENGANGGARAN MODEL LOGIT

Seterusnya berdasarkan pemilihan faktor-faktor berkenaan, maka kita akan menganalisis dan menganggar kejayaan perusahaan yang dilakukan oleh golongan asnaf fakir dan miskin menggunakan bantuan modal zakat berdasarkan penganggaran model logit berikut:

$$P_i = E(Y = 1/X) = 1 / (1 + e^{-Z_i}) \tag{1}$$

Iaitu:

- $P_i$  Adalah kebarangkalian bagi responden berjaya  $Y = 1$  dan responden tidak berjaya  $Y = 0$
- $Z_i$  Adalah satu fungsi  $f(X)$  dengan  $X$  adalah sebagai faktor-faktor yang mempengaruhi

Persamaan (1) ini boleh ditulis dalam bentuk berikut:

$$P_i = 1 / (1 + e^{-z}) = e^z / (1 + e^z) \tag{2}$$

Bila  $P_i$  adalah kebarangkalian bagi responden berjaya  $Y = 1$ , maka kebarangkalian bagi responden tidak berjaya bagi  $Y = 0$  ialah  $(1 - P)$ . Oleh yang demikian kebarangkalian tidak berjaya ialah:

$$(1 - P_i) = 1 / (1 + e^z) \tag{3}$$

Justeru itu ratio kebarangkalian untuk berjaya ialah:

$$P_i / (1 - P_i) = e^z \tag{4}$$

maka, natural log bagi persamaan (4) akan diperolehi:

$$\begin{aligned} L &= \ln(P_i / (1 - P_i)) = \ln(e^z) \\ &= Z_i \\ &= (X) \end{aligned} \tag{5}$$

Berdasarkan kepada persamaan (4) dan (5), maka satu model khusus yang akan dianggarkan dalam kajian ini (persamaan 6) iaitu :

$$\begin{aligned} \text{Log}(P_i / (1 - P_i)) = & \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 + \beta_8 X_8 + \beta_9 X_9 + \beta_{10} X_{10} + \beta_{11} X_{11} + \beta_{12} X_{12} + \beta_{13} X_{13} + \beta_{14} X_{14} + \beta_{15} X_{15} + \beta_{16} X_{16} + \beta_{17} X_{17} + \beta_{18} X_{18} + u_i \tag{6} \end{aligned}$$

Iaitu:

- $P$  Kebarangkalian bagi asnaf sama ada Berjaya atau Tidak Berjaya (Berjaya = 1, Tidak Berjaya = 0)
- $X_1$  Umur (0: Bawah 35 tahun, 1: Atas 35 tahun)
- $X_2$  Jantina (0: Wanita, 1: Lelaki)
- $X_3$  Status (0: Lain-lain, 1: kahwin)
- $X_4$  Pendidikan (0: pendidikan rendah, 1: pendidikan tinggi)
- $X_5$  Kesihatan (0: tidak sihat, 1: sihat)
- $X_6$  Tanggungan (0: ramai, 1: sedikit)
- $X_7$  Tempoh Niaga (0: Bawah 5 tahun, 1: Lebih 5 tahun)
- $X_8$  Jumlah Modal Dana Zakat (0: bawah RM5 ribu, 1: atas RM5 ribu)
- $X_9$  Kecekapan Peribadi
- $X_{10}$  Menghargai Peluang
- $X_{11}$  Ketabahan Diri
- $X_{12}$  Kemahiran Sumber Manusia dan Modal Sosial
- $X_{13}$  Kemahiran Sosial
- $X_{14}$  Pemantauan Institusi Zakat
- $X_{15}$  Kecekapan Pengurusan Zakat
- $X_{16}$  Bantuan Modal Percuma
- $X_{17}$  Jenis Perniagaan
- $X_{18}$  Kecukupan Saiz Bantuan
- $e_i$  terma ralat (*error term*)

ANALISIS KEPUTUSAN

Hasil persamaan regresi logistik di dalam Jadual 1 menunjukkan terdapat 13 faktor yang signifikan iaitu faktor umur, jantina, tempoh berniaga, pemantauan pusat zakat,

ciri perniagaan, pengurusan zakat, sikap optimis, interaksi sosial, peranan modal percuma, kecukupan modal, kemahiran sosial, fleksibiliti modal dan pengambil risiko.

#### UMUR

Keputusan kajian menunjukkan bahawa umur berkait secara negatif dengan kebarangkalian kejayaan perniagaan. Ini bermakna semakin meningkat usia semakin tinggi kebarangkalian untuk menempuh kegagalan dalam perniagaan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna hanya golongan yang lebih muda sahaja diberi peluang untuk mendapat bantuan modal zakat. ini kerana dalam soal pengagihan zakat tidak wujud soal berlakunya diskriminasi. Memandangkan golongan lebih berusia didapati lebih terdedah dengan risiko kegagalan maka mereka perlu diberi lebih perhatian dari segi aspek pemantauan, motivasi, latihan dan kursus berkaitan untuk memastikan mereka tidak menempuh kegagalan. Manakala bagi golongan muda yang dijangkakan akan lebih berkemungkinan untuk berjaya, mereka perlu terus diberikan galakan dan bimbingan untuk menceburi bidang perniagaan yang menggunakan kemahiran dan berskala lebih besar, ini sesuai dengan personaliti mereka yang lebih berani menghadapi cabaran dan persaingan dan mempunyai kemahiran sosial. Bersesuaian dengan keadaan dunia tanpa batasan di mana dunia alam siber bukanlah sesuatu yang asing bagi mereka, jadi mereka digalakkan menggunakan kaedah pemasaran bukan sahaja secara tradisional tetapi melalui kaedah terkini seperti perniagaan secara e-dagang.

#### JANTINA

Keputusan kajian menunjukkan bahawa golongan lelaki didapati mempunyai kemungkinan yang tinggi untuk lebih berjaya dari golongan wanita. Maka sesuai dengan tanggungjawab lelaki sebagai ketua keluarga yang mempunyai tanggungjawab utama menyara keluarga, maka golongan lelaki sekiranya diberi bantuan modal zakat ini perlu terus diberikan kesedaran di mana mereka perlu menguruskan perniagaan dengan sebaiknya kerana menyara keluarga adalah amanah Allah yang perlu ditunaikan dengan sebaik mungkin. Manakala bagi golongan wanita yang dikenal pasti lebih terdedah dengan risiko kegagalan, maka pemantauan dan kaedah bimbingan perlu difokuskan kepada usaha untuk meminimumkan kemungkinan kegagalan yang akan berlaku. Maka sebagai persediaan kursus dan motivasi yang lebih tertumpu kepada bagaimana mengendalikan emosi, keyakinan untuk bersaing, kemahiran sosial dan melengkap dengan kemahiran seperti pengurusan kewangan perlu dititikberatkan untuk memastikan mereka lebih bersedia menghadapi dunia perniagaan.

#### TEMPOH BERNIAGA

Keputusan kajian menunjukkan terdapat perkaitan di antara tempoh menjalankan perniagaan dengan kejayaan bantuan

modal iaitu semakin lama tempoh menceburi perniagaan semakin tinggi kemungkinan untuk berjaya. Pengalaman ini akan lebih mematangkan mereka dan dapat membantu mereka membuat keputusan yang tepat dalam mengendalikan perniagaan. Melempi tempoh 5 tahun perniagaan merupakan tempoh yang paling kritikal untuk menentukan sama ada perniagaan ini dapat bertahan dengan jayanya. Sekiranya golongan asnaf yang menerima bantuan modal ini masih baru menjalankan perniagaan, maka tumpuan dan pemantauan yang berbeza perlu diberikan berbanding mereka yang telah berpengalaman. Antara aspek yang perlu diberi perhatian termasuk membekalkan mereka dengan kursus asas perniagaan, kaedah pemasaran, kursus mengendalikan akaun dan kewangan, kursus motivasi supaya mereka lebih bersedia untuk menceburi dan menangani dunia persaingan dan tidak mudah putus asa.

JADUAL 1. Hasil regresi binomial logistik

Pembolehubah Bebas	Koefisien ( $\beta$ )	Exp ( $\beta$ )	Valid Statistics	Sig.
Konstan	0.583	1.792	0.665	0.415
Umur	-1.203*	0.300	4.636	0.031
Jantina	0.516*	1.676	3.578	0.059
Status	-0.328	0.720	0.563	0.453
Taraf Pendidikan	0.100	1.106	0.123	0.726
Tahap Kesihatan	0.350	1.419	1.165	0.280
Jumlah Tanggungan	-0.388	0.678	2.011	0.156
Tempoh Lama Niaga	0.723**	2.062	3.512	0.061
Jumlah Modal Zakat	-0.107	0.898	0.062	0.804
Pemantauan Zakat	0.693***	1.999	18.373	0.000
Sifat Jati Diri	0.207	1.230	2.333	0.127
Ciri Perniagaan	0.877***	2.405	35.363	0.000
Pengurusan Zakat	0.941***	2.563	34.418	0.000
Optimis	1.147***	3.148	41.245	0.000
Interaksi Sosial	0.765***	2.148	32.296	0.000
Peranan Modal Percuma	0.407*	1.503	8.322	0.004
Kecukupan Modal	0.565***	1.760	13.914	0.000
Sifat Peribadi	0.036	1.037	0.070	0.791
Kemahiran Sosial	0.711***	2.035	22.622	0.000
Fleksibiliti Modal	1.080***	2.946	54.856	0.000
Pengambil Risiko	0.520***	1.682	14.284	0.000

Nota: \* signifikan pada aras keertian 5%

\*\* signifikan pada aras keertian 10%

\*\*\* signifikan pada aras keertian 1 %

#### PEMANTAUAN PUSAT ZAKAT

Keputusan kajian jelas menunjukkan bahawa terdapat perkaitan positif di antara aspek pemantauan pusat zakat dengan kejayaan perniagaan. Dari segi implikasi dasarnya sememangnya aspek pemantauan perlu terus diberi perhatian penting untuk memastikan kejayaan perniagaan. Pihak berkuasa zakat seharusnya lebih menitikberatkan faktor pemantauan, amalan pada masa kini aspek pemantauan yang dijalankan adalah hanya secara ad-hoc mengikut keperluan dan tidak terancang secara sistematik. Antara alasan yang dikemukakan adalah tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk menjalankan

pemantauan. Namun ianya tidak boleh sentiasa dijadikan alasan, ini kerana pemantauan masih perlu dijalankan. Antara yang boleh dilaksanakan adalah menjalankan pemantauan mengikut zon dan kawasan secara sistem giliran. Pemantauan boleh dilakukan sama ada secara turun padang mengikut jadual giliran atau berhubung dengan alat komunikasi lain seperti telefon, surat menyurat, e-mel dan sebagainya.

#### CIRI DAN SIFAT PERNIAGAAN

Berdasarkan keputusan kajian didapati perkaitan ciri dan sifat perniagaan yang diceburi responden dengan kejayaan perniagaan adalah berhubung secara positif. Ini bermakna jika sekiranya perniagaan yang dijalankan mempunyai ciri-ciri seperti mudah dikendalikan, mudah mendapat peluang pasaran dan keuntungan maka lebih mudah perniagaan ini mendapat kejayaan. Justeru itu implikasi dasarnya dalam memberikan bantuan modal perniagaan, perhatian perlu diberikan memastikan bahawa perniagaan yang ingin diceburi bukanlah perniagaan yang terlalu merumitkan terutama bagi mereka yang tidak mempunyai pengalaman yang mencukupi. Ini bagi memastikan mereka tidak menghadapi banyak masalah di awal perniagaan. Namun ini tidak bermakna pusat zakat menghadkan bantuan kepada perniagaan yang lebih kompleks sebaliknya lebih selektif dan membenarkan hanya mereka yang berpengalaman sekurang-kurangnya beberapa tahun berniaga untuk menceburi bidang perniagaan yang lebih kompleks dan berskala besar.

#### PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN PUSAT ZAKAT

Keputusan kajian menunjukkan bahawa perkaitan aspek pengurusan dan pentadbiran pusat zakat dengan kejayaan perniagaan adalah positif. Ini bermakna pengurusan dan pentadbiran pusat zakat yang lebih telus, cekap, tanpa karenah birokrasi akan menyumbang kepada kejayaan perniagaan. Justeru implikasi dasarnya, pusat zakat perlu sentiasa memastikan bahawa pengurusan dan pentadbirannya, sama ada dari aspek prosedur dan kakitangan yang mengendalikannya sentiasa berada pada tahap yang terbaik, bagi memastikan kejayaan. Sebarang bentuk salah laku atau penyelewengan mesti dibendung bagi memastikan nama baik pusat pentadbiran zakat tidak tercemar dan kredibilitinya tidak dipersoalkan di mata masyarakat. Selain itu pihak berkuasa zakat perlu sentiasa menghebahkan dengan secara lebih meluas aktiviti dan program yang dijalankan. Penyebaran maklumat ini bukan sahaja disiarkan menerusi buletin, portal rasmi pusat zakat, malahan diperluaskan menerusi iklan-iklan di media massa seperti surat khabar dan televisyen kerana ianya perlu lebih meluas dan mudah diakses oleh semua golongan.

#### MENGHARGAI PELUANG/SIKAP OPTIMIS

Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa perkaitan di antara menghargai peluang/sikap optimis dengan kejayaan perniagaan adalah berhubung secara positif. Implikasi

dasarnya dalam menyalurkan bantuan, golongan asnaf perlu diwajibkan menduduki proses temu duga sama ada secara lisan atau bertulis mengikut kesesuaian untuk mengenal pasti sama ada mereka ini didapati sesuai dan mempunyai ciri-ciri sebagai usahawan seperti memiliki sikap optimis terhadap perniagaan yang diceburi dan bersedia mencuba kaedah terkini dan seumpamanya. Ini kerana kesediaan dan keterbukaan mereka dan sentiasa bersikap positif dan optimis akan membantu kejayaan mereka. Mana-mana asnaf yang didapati mempunyai sifat sedemikian boleh terus diberikan bantuan, sebaliknya mereka yang tidak mempunyai sifat demikian perlu diberi bimbingan dan motivasi bagi meningkatkan keyakinan diri pada tahap yang sepatutnya sebelum bantuan modal disalurkan kepada mereka.

#### INTERAKSI SOSIAL

Berdasarkan hasil kajian didapati bahawa faktor interaksi sosial menunjukkan perkaitan yang positif dengan kejayaan perniagaan menggunakan bantuan modal zakat. Kelebihan mempunyai kekuatan dari segi interaksi sosial sememangnya merupakan aspek penting dalam menjalankan perniagaan. Ini kerana dalam perniagaan selain mempunyai pengalaman, skil kemahiran maka interaksi sosial yang baik iaitu meliputi hubungan yang baik antara peniaga dan pembekal, peniaga dan pelanggan akan menjamin kejayaan dan hubungan yang berterusan dalam perniagaan. Maka membina nama dan hubungan baik mesti diteruskan dan dipergiatkan.

#### BANTUAN MODAL PERCUMA OLEH INSTITUSI ZAKAT

Berdasarkan hasil kajian, perkaitan di antara bantuan modal percuma oleh institusi zakat dengan kejayaan perniagaan adalah berhubung secara positif. Bantuan modal ini secara percuma ini cukup dihargai oleh golongan asnaf. Ini kerana ianya dapat menyelesaikan masalah mereka dan membantu mereka mendapatkan modal perniagaan bagi tujuan memulakan dan mengembangkan perniagaan. Implikasi dasarnya memandangkan bantuan modal secara percuma ini memberikan harapan dan sumbangan yang bermakna kepada golongan asnaf, maka pusat zakat seharusnya menyediakan peruntukan yang lebih besar bagi bahagian bantuan modal ini setanding dengan peruntukan bantuan-bantuan lain yang disediakan oleh pusat zakat. Pusat zakat juga perlu memberikan bantuan modal zakat ini kepada lebih ramai golongan asnaf yang memenuhi syarat. Peruntukan atau kuota setiap tahun perlu disediakan sebagai satu inisiatif untuk membantu golongan asnaf berdikari.

#### KECUKUPAN SAIZ BANTUAN MODAL

Berdasarkan hasil kajian juga didapati faktor cara kecukupan saiz bantuan modal yang dengan kejayaan perniagaan adalah berhubung secara positif. Kecukupan saiz modal yang diperoleh akan dapat membantu golongan asnaf meneruskan perniagaan dengan teratur. Ianya

membantu asnaf dari segi menyediakan modal pusingan dan peralatan yang secukupnya. Implikasi dasarnya, pusat zakat mesti memastikan bahawa bantuan modal yang disediakan kepada asnaf adalah sekurang-kurangnya pada tahap minimum yang membolehkan keperluan perniagaan dipenuhi. Untuk itu pusat zakat perlu melakukan kajian terperinci tahap saiz bantuan modal yang mencukupi untuk diberikan kepada asnaf yang layak. Maka dengan adanya garis panduan mengenai saiz bantuan modal ini dapat memastikan ianya dapat membantu asnaf secara lebih teratur dan sistematik mengendalikan perniagaan kerana telah dikenal pasti di peringkat awal lagi keperluan modal yang sebenarnya diperlukan mereka.

#### KEMAHIRAN SOSIAL

Berdasarkan hasil kajian juga didapati hubungan di antara faktor kemahiran sosial dengan kejayaan perniagaan adalah berhubung secara positif. Memiliki skil kemahiran sosial merupakan satu kelebihan dan keperluan yang penting untuk memastikan kejayaan perniagaan. Implikasi dasarnya, pusat zakat boleh membantu golongan asnaf memperbaiki dan meningkatkan lagi skil kemahiran ini perlu sentiasa diperbaharui agar tidak ketinggalan dengan arus semula jadi semata-mata tetapi ianya boleh dibentuk dan dipupuk dari masa ke semasa.

#### FLEKSIBILITI MODAL

Berdasarkan hasil kajian didapati bahawa faktor fleksibiliti modal menunjukkan perkaitan yang positif dengan kejayaan perniagaan. Fleksibiliti modal di sini bermakna bantuan modal yang disediakan boleh diubah jumlah, bentuk dan pendekatannya mengikut keperluan dan situasi semasa. Maka implikasi dasarnya, pusat zakat perlu lebih terbuka dalam dasarnya bagi memastikan bantuan modal ini mencapai matlamat dan sasaran. Bantuan modal ini perlu dikaji dari masa ke semasa dan sentiasa ditambah baik sama ada dari segi jenis, dan keperluan sebenar. Maka proses penyelidikan dan pembangunan (R & D) perlu diberikan perhatian mengenai perkara ini demi memastikan bantuan yang disediakan berfungsi dengan sewajarnya.

#### PENGAMBIL RISIKO

Berdasarkan hasil kajian didapati bahawa faktor pengambil risiko menunjukkan perkaitan yang positif dengan kejayaan perniagaan. Golongan asnaf yang bersedia menghadapi risiko akan lebih berjaya dalam perniagaan. Ini bermakna mereka tidak harus berada pada suasana atau zon selesa untuk mencapai kejayaan. Implikasi dasarnya, pusat zakat boleh memainkan peranan menggalakkan golongan asnaf yang menceburi perniagaan ini mengembangkan lagi perniagaan dan meluaskan pemasaran. Namun dalam usaha menggalakkan mereka menceburi dan mempelbagaikan jenis perniagaan dan kaedah pemasaran, perlulah ditawarkan kepada golongan asnaf yang telah mempunyai pengalaman dalam perniagaan dan sebaik-baiknya lebih dari 5 tahun kerana mereka telah stabil dan memahami selok-

belok perniagaan dan kemungkinan memudahkan mereka mengadaptasi sebarang perubahan dan pembaharuan yang ingin dilakukan. Maka prinsip berani mengambil risiko bukan bermakna mendedahkan golongan asnaf kepada peluang-peluang baru tanpa pemantauan, pengawasan yang sewajarnya. Berani mengambil risiko perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas dan menyeluruh.

#### RUMUSAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa selain modal terdapat faktor-faktor lain yang dikenal pasti mempengaruhi kejayaan perniagaan. Faktor tersebut tentunya perlu diberi perhatian oleh pihak berkuasa zakat untuk meningkatkan lagi kebarangkalian kejayaan perniagaan golongan asnaf. Tumpuan kepada aspek modal sahaja merupakan satu kepincangan. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa strategi pemberian modal perniagaan perlu disertakan dengan faktor lain bagi menjadikannya satu strategi lengkap yang dapat menjamin kejayaan. Strategi lengkap ini pastinya diharapkan berupaya untuk membantu asnaf memperbaiki taraf kehidupan mereka di masa akan datang dan seterusnya berjaya mentransformasikan diri mereka dari seorang penerima bantuan zakat kepada pembayar zakat.

#### RUJUKAN

- Abd Halim Mohd Noor, Rozman Md. Yusof & Ahmad Che Yaakob. 2007. Performance indicator model for model for zakat institution. *Jurnal Pengurusan Jawharl* 1(2).
- Abu Bakar Sarpon. 2005. Kajian pengurusan baitulmal Malaysia: Faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi petugas daripada perspektif Islam. Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia.
- Abu Sufian Abu Bakar. 2006. Baitulmal dan kemiskinan di Kuala Lumpur: Program agihan zakat dalam bentuk perniagaan. Dalam *Zakat pensyariaan perekonomian dan perundangan*, pyt. Abdul Ghafar Ismail & Hailani Muji Tahir. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adnan Alias & Mohamed Dahlan Ibrahim. 2002. *Keusahawanan Islam*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Malaysia. Sdn. Bhd.
- Al-Qaradawi, M. Yusof. 1987. *Fiqhuz-zakat (hukum zakat)* (terjemahan: Drs. Salman Harun, Drs. Didin Hafidhuddin dan Drs. Hasanuddin). Singapura: Pustaka Nasional, Pte. Ltd.
- Al-Qaradawi, M. Yusof. 1998. *Peranan nilai dan akhlak dalam ekonomi Islam* (terjemahan: Mufti Latib Arsil Ibrahim). Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Barjoiy Bardai. 2002. Ciri-ciri keusahawanan yang dinamik dalam Islam. Dalam *Ekonomi Islam dan pelaksanaannya di Malaysia*, pyt. Nik Mustapha Nik Hassan. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Baron, R.A. & Markman, G.D. 2003a. Person-entrepreneurship fit: Why some people are more successful as entrepreneurs than others". *Human Resource Management Review* 13: 281-30.
- Baron, R.A. & Markman, G.D. 2003b. Beyond social capital: The role of entrepreneurs social competence in their financial succes. *Journal of Business Venturing* 18: 41-60.

- Bruder, J. & Preisdorfer, P. 1998. Network support and the success of newly founded businesses. *Small Business Economic* 10: 213-225.
- Cooper, A.C., Gimenez Gaseon, F.J. & Woo, C.Y. 1994. Initial human and financial capital as predictors of new venture performance. *Journal Of Business Venturing* 9: 371-395.
- Hasan Bahrom & Shawal Kaslam. 2007. Amalan 'corporate governance' dalam pengurusan institusi zakat di Malaysia. *Jurnal Pengurusan Jawhar* 1(2): 53-63.
- Kuratho, D.F. & Hodgetts, R.M. 2004. *Entrepreneurship: Theory, process and practice*. Ohio: South Western.
- Mitchell, R.K. Bailey, A. & Mitchell, J.R. 2008. Entrepreneurship, thinking and economic self reliance. *ESR Review* 10(1): 8-13.
- Nik Mohamed, A.N.Y. 2002. *Islam & business*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Nor Aishah Buang. 2002. *Asas keusahawanan*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Nor Ghani Md. Noor, Abd. Razak Dan & Mohd Ali Mohd Nor. 2002. The contribution of zakat as an income creating asset in Selangor and Wilayah Persekutuan Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 36: 69-80.
- Patmawati Ibrahim. 2005. Potential role of zakat distribution in reducing inequality among the muslim society'. Dalam *Teori dan aplikasi kontemporari sistem ekonomi Islam di Malaysia*, pyt. Abdullah Alwi Hj Hassan et al. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rosbi Abd Rahman, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2008. Pelaksanaan bantuan modal zakat: Analisis perbandingan. Kertas Kerja yang dibentangkan pada Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia 20-22 Ogos 2008, Port Dickson, Negeri Sembilan. Anjuran Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schiller, B.R. & Crewson, P.E. 1997. Entrepreneurial origins: A longitudinal inquiry. *Economic Inquiry* 35: 523-532.
- Schumpeter, J.A. 1934. *The theory of economics development*. Massachusetts: Harvard University Press.
- Schumpeter, J.A. 1947. Creative response in economic history. *Journal Of Economic History* 7: 149-159.
- Shofian Ahmad & Amir Mulia Mohd Nor. 2002. *Zakat membangun ummah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Shukor Omar. 2003. *The Malay lost world with emphasis on entrepreneurship*. Shah Alam: Anzagain Sdn. Bhd.
- Suhaimi Mansor. 1991. *Jalan pintas keusahawanan*. Kuala Lumpur: Pencetakan Watan Sdn. Bhd.
- Sukor Kasim. 1990. Peranan Modal Dalam Membasmi Kemiskinan, Kertas Kerja di Konvensyen Ekonomi Bumiputera: Prestasi Kini dan Cabaran Selepas 1990, 12 - 13 November 1990.
- Sukor Kasim. 1993. Peranan dan Pengalaman Amanah Ikhtiar di dalam pembangunan Usahawan dari Golongan Miskin. Kertas 8, Semidiskus Kebangsaan Peningkatan dan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar. 2-3 Februari 1993. Sintok, Kedah
- Syed Mohd Ghazali Wafa, Muhammad Nasri Hj. Md. Hussain & Mohd Hizam Hanafiah. 2003. *Penghantar perniagaan Islam*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Timmons J.A. Spinelli. 2000. *New venture creation, entrepreneurship for 21<sup>st</sup> century*. Irwin, Boston: Mc Graw Hill.
- Yep Putih. 1985. *Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosbi Abd Rahman  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
E-Mail: rosbi@yahoo.com